

05 DEC 2001

DUNIA ISLAM PERLU TEKAN PENUBUHAN NEGARA PALESTIN, KATA MSRI

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Para pemimpin Islam di seluruh dunia perlu menggunakan kelebihan baru pada mereka dengan presiden Amerika Syarikat George W. Bush untuk mendesak penubuhan segera sebuah negara Palestin.

Pengerusi Insititut Penyelidikan Sosiologi Malaysia (MSRI) Dr Alijah Gordon berkata, tindakan itu perlu disusuli dengan "apa sahaja tekanan yang mereka boleh kenakan" termasuk ugutan menghentikan bekalan minyak.

Katanya dalam satu kenyataan sebagai reaksi kepada pengeboman sasaran-sasaran di Palestin merentasi Semenanjung Gaza dan Tebing Barat oleh jet-jet dan helikopter Israel sejak dua hari lepas.

Semalam helikopter Israeli menyerang ibu pejabat Pasukan 17, iaitu pasukan pengawal peribadi pemimpin Palestin Yasser Arafat di pekan Tulkarem di tebing barat. Peluru-peluru Israel juga mengenai sasaran di bandaraya Gaza dan kem pelarian Khan Younis di selatan Gaza dan juga bandar-bandar Ramallah, Tulkarem dan Qalqilya di tebing barat.

Serangan itu, menurut Israel, adalah sebagai membalas satu siri pengeboman berani mati di negara Yahudi itu dengan kejadian terbaru pada Sabtu menyebabkan lebih 25 orang terbunuh dan lebih 200 orang cedera.

"Kami berdoa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai usaha mendesak Bush dan akan berusaha gigih menyuntik semangat di kalangan kerajaan-kerajaan Islam, khasnya negara-negara Arab untuk berbuat sesuatu sebelum terlewat," katanya.

-- BERNAMA

SR AHH PR